

Dua dalam insiden 'pengundi hantu' dihadap ke mahkamah
MalaysiaKini.com
May 10, 2013

Dua lelaki yang terlibat dalam menghalang sebuah bas membawa warga asing yang mereka percaya hendak pergi mengundi dalam pilihan raya umum pada 5 Mei, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Klang hari ini.

NONEYap Kwee Heng, 37, dan Lim Siong Kuan, 32, didakwa pagi ini di bawah Seksyen 148 atas tuduhan merusuh dan Seksyen 427 atas tuduhan merosakkan harta benda, kata Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.

"Yap dan Lim dibenarkan ikat jamin masing-masing RM5,000 dan RM2,000," kata Santiago ketika dihubungi.

Yap dan Lim mengesyaki terdapat "pengundi hantu" dalam bas yang mereka kesan mengelilingi kawasan Pandamaran pada pagi Ahad. Mereka dan tujuh yang lain kemudian cuba menghentikan bas tersebut.

NONEPolis kemudian datang dan mengiringi bas tersebut dan penumpangnya ke balai polis Pandamaran, di mana penumpangnya didakwa telah disiasat.

Santiago berkata, beliau terus menghubungi Suruhanjaya Pilihan Raya bagi menyelesaikan perkara itu tetapi diberitahu bahawa kejadian itu berlaku selepas masa pengundian berakhir pada jam 5 petang, dan pihak polis menganggapnya sebagai satu kesalahan jenayah.

"Tetapi perkara ini berlaku pada jam 4 petang... Jadi ia sebaliknya harus dilihat sebagai ancaman kepada kedaulatan negara," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/229730>